



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

SOALAN 1

SAYA berusia 24 tahun dan pernah mempunyai teman lelaki, tetapi hubungan kami terputus kerana tiada persefahaman.

Jadi, saya berkawan dengan rakan abang yang berusia 28 tahun dan kini hubungan kami sudah setahun. Dulu dia pernah bertunang tetapi putus di tengah jalan. Dek sudah lama berkawan dan sikapnya yang sentiasa mengambil berat, timbul pula perasaan sayang.

Tetapi, baru-baru ini abang tidak suka saya berkawan dengannya kerana kawannya itu dulu pernah terlanjur dengan bekas tunang.

Malah, dia pernah meminta bekas tunangnya itu menggugurkan kandungan, tetapi, lelaki itu memberitahu dia sudah bertaubat.

Bagaimanapun, abang saya memberitahu dia kembali dengan perengai lamanya yang suka menonton video lucah.

Apa yang harus saya lakukan Dr? Saya kini buntu membuat keputusan sama ada menjauhkan diri daripadanya

Abang halang cinta

Atas alasan lelaki itu pernah terlanjur dengan bekas tunang

atau meneruskan hubungan berlandaskan adik dan abang.

Bantulah saya dalam menyelesaikan masalah ini Dr.

Bella,
Perak

JAWAPAN 1

SUDAH lumrah kehidupan apabila seseorang itu sering bersama, perasaan sayang dan kasih itu akan timbul. Ini kerana, kekerapan bersama akan melahirkan banyak titik-titik persamaan dan itulah yang berlaku kepada adik.

Sikap abang yang tidak suka adik berkawan dengan temannya mungkin didorong oleh keinginannya untuk melihat adiknya mendapat teman hidup yang terbaik.

Perasaan kasih dan sayang kepada seseorang sering kali

membuatkan individu itu bersifat melindungi dan inginkan yang terbaik buat mereka yang disayangi.

Mengetahui tingkah laku dan sikap temannya itu membuatkan abang mempunyai persepsi bahawa dia bukan lelaki yang terbaik untuk adik.

Lebih-lebih lagi abang adik mengetahui dia pernah melakukan perbuatan yang dilaknat oleh Tuhan dan menyuruh bekas tunang menggugurkan kandungannya. Agama meminta kita mencari individu yang baik budi pekerti serta mengamalkan ajarannya sebagai pasangan hidup.

Melihat dari sudut perspektif abang, dia juga mungkin tidak mahu adiknya terburu-buru.

Orang yang sedang bercinta jarang dapat melihat ke-

burukan orang yang dicintai kerana mereka akan sedaya upaya melindungi segala keburukan yang dimiliki. Pepatah Greek ada mengatakan bahawa keburukan dapat disembunyikan apabila timbulnya rasa cinta.

Apabila individu itu tidak dapat melihat keburukan seseorang, ia boleh memberi kesan yang negatif. Ini kerana mungkin apa yang kamu sayangi atau cintai tersimpan keburukan didalamnya manakala apa yang dibenci itu pula tersimpan kebaikan didalamnya.

Teman lelaki adik mengatakan bahawa dia sudah bertaubat dan itu adalah satu perubahan yang sangat baik. Seseorang yang ingin berubah perlu diberikan sokongan. Jika

tidak, sukar baginya memperbaiki tingkah laku.

Jadi, jika mencintai seseorang itu, jangan sesekali mengungkit kisah silam. Cintailah dia atas dasar siapa dia sekarang dan bukannya siapa dia sebelumnya. Kisah silam tidak perlu diungkit lagi kiranya kamu benar-benar mencintainya setulus hati.

Apa pun tindakan diambil, adik perlu jelas kenapa memilih sesuatu jalan itu. Contohnya, jika adik ingin memutuskan hubungan dengan teman lelaki, adik perlu tahu apa sebabnya. Adik juga perlu bertanggungjawab atas jalan yang dipilih.

Selain itu, adalah lebih baik andai adik memutuskan hubungan kerana berasakan diri tidak cukup kuat untuk hidup bersama orang yang sudah

melakukan kesilapan di masa lalu.

Adik juga nampaknya kurang yakin sama ada dia benar-benar berubah. Jika ragu-ragu, lebih baik sesuatu perhubungan itu tidak diteruskan.

Menjadikan kelemahan orang lain sebagai alasan untuk menutup rasa kurang yakin terhadap sesuatu perhubungan juga bukanlah satu jalan penyelesaian yang baik.

Bagaimanapun, jika adik mengambil keputusan untuk memilih teman lelaki sebagai pasangan hidup, adik perlu menerima dirinya seadanya. Semoga dia menjadi lelaki yang baik dan adik akan bahagia bersamanya.

Oleh itu, Dr harapkan agar adik menemui cinta sejati dalam hidup dan cinta.